

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, September 23, 2019 4:08 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UCF 2019 Martabatkan Budaya Dalam Kalangan Generasi Muda



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 SEPTEMBER 2019 / 23 MUHARAM 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

UCF 2019 MARTABATKAN BUDAYA DALAM KALANGAN GENERASI MUDA



UUM ONLINE: UUM Cultural Festival (UCF) 2019 anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) yang berlangsung selama enam hari telah melabuhkan tirai dengan jayanya dengan memartabatkan budaya dalam kalangan generasi muda khususnya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, UCF 2019 telah memainkan peranan cukup penting dan bermakna dalam memartabatkan dan mewarnai kehidupan kampus dengan elemen kesenian dan kebudayaan dalam kalangan pelajar.

Menurutnya, program itu merupakan satu bentuk pelaksanaan aktiviti kebudayaan berteraskan kepelbagaian kaum berkonsepkan pertandingan seni yang berupaya menyatukan perpaduan dalam kalangan pelajar UUM selaras dengan menyatupadukan rakyat Malaysia dibawah payung kebudayaan negara seperti yang diutarakan oleh kerajaan.

Katanya, UCF menjadi pemangkin kepada penjana penggiat seni pelajar yang berkaliber bagi digilap menjadi aset budaya universiti yang mampu bersaing dengan universiti awam tempatan yang lain.

"Pengurusan universiti menyambut baik daya usaha dan inisiatif pihak penganjur dalam menjayakan festival ini dengan pendekatan yang pelbagai dan konsep yang lebih menarik pada setiap kali penganjurannya.

"Penganjuran festival seperti ini menjadi landasan yang terbaik untuk kita terus memelihara dan memartabatkan budaya khususnya dalam kalangan generasi muda dan saya bangga dengan semangat dan komitmen serta penglibatan pelbagai lapisan rakyat, apatah lagi apabila melihat ramai dalam kalangan belia dan golongan muda yang turut menyertai dan menjayakan festival ini," katanya pada Majlis Penutup UCF 2019 di Dataran Budaya, semalam.

Beliau berkata, UCF 2019 pada tahun ini membawa sedikit kelainan dan keunikan dengan penganjuran acara Dikir Barat MAKUM anjuran UUM dengan Kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).

Menurutnya, kampus Sintok merasa amat bertuah dengan kunjungan pendikir MAKUM dan menyambut baik delegasi dari seluruh institusi pengajian tinggi awam dengan menyajikan keunikan biodiversiti flora dan fauna yang pastinya menarik perhatian dan menanti kunjungan mereka untuk menjelajah kampus ini.

Katanya lagi, beliau berharap agar pihak penganjur dapat membuat penambahbaikan dan meningkatkan lagi prestij festival itu agar ia terus menjadi tarikan bukan sahaja kepada masyarakat setempat bahkan juga para pendukung budaya tempatan dan antarabangsa.

"Semoga UCF ini akan terus menjadi pemangkin dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan kebudayaan dan kesenian, semangat penyatuan dan perpaduan rakyat bagi menjamin kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara Malaysia tercinta ini.

"Penganjuran UCF ini adalah petanda yang sangat positif untuk masa depan negara dan rakyat yang lebih cemerlang khususnya dalam konteks mengukuhkan lagi semangat perpaduan, kekitaan dan keharmonian rakyat pelbagai kaum, agama dan budaya menerusi festival kebudayaan dan kesenian, sesuai dengan semangat perpaduan Malaysia," katanya.

UCF adalah program pertandingan aca seni bertujuan melahirkan pelajar holistik dari aspek akademik dan kegiatan kesenian serta budaya, di samping memupuk keharmonian, integrasi dan perpaduan yang menjadi asas penting kejayaan negara berbilang kaum seperti Malaysia.

Johan keseluruhan UCF 2019 telah dimenangi Inapan Siswa (INASIS) SME Bank dengan pungutan dua pingat emas dan satu perak; diikuti INASIS TNB (2 emas, 1 gangsa), INASIS TM (1 emas, 1 perak, 1 gangsa), INASIS MAS (1 emas, 1 gangsa), INASIS Tradewind (dua perak), INASIS Sime Darby (1 perak, 1 gangsa) dan INASIS MISC serta Proton masing-masing membawa pulang 1 pingat gangsa.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.